# ABSTRAK

Kajian ini bertajuk "Implementasi Hukuman Sebat di Bandar Bireuen Nanggroe Aceh Darussalam Indonesia." Objektif kajian ini ialah untuk mengkaji kaedah pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen, mengenal pasti masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan hukuman sebat dan untuk mengetahui pendirian Penguatkuasa Kanun Jenayah di bandar Bireuen terhadap pelaksanaan hukuman sebat di tersebut. Metode yang digunakan dalam kajian ini iaitu metode analisis kualitatif dengan mengambil data dari sumber primer dan sekunder. Data diperoleh dari sumber primer dengan menggunakan kajian kes dan temubual. Manakala data yang diperoleh dari sumber sekunder dari bahan-bahan bercetak seperti buku-buku, risalah, kertas kerja ilmiah, artikel ilmiah, akhbar dan jurnal. Hasil kajian mendapati bahawa kaedah pelaksanaan hukuman sebat di Bireuen sesuai dengan kaedah dalam Perundangan Islam. Namun terdapat masalah dan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan hukuman sebat tersebut. Di antara masalah yang dihadapi iaitu dana dan kemudahan yang terhad, kanun jenayah yang kurang sempurna dan wujudnya diskriminasi (ketidakadilan) pelaksanaan hukuman sebat di masyarakat. Manakala cabarannya iaitu kurangnya kefahaman masyarakat terhadap kandungan Kanun Jenayah dan wujudnya penolakan dari beberapa organisasi masyarakat terhadap pelaksanaan hukuman sebat di Bireuen. Sementara itu, Penguatkuasa Kanun Jenayah sangat menyokong pelaksanaan hukuman sebat di bandar Bireuen.

ABSTRACTS

This study entitled *"The Implementation of the Whipping Punishment in Bireuen, Nanggroe Aceh Darussalam, Indonesia"*. The objectives of this study are to find out the implementation of whipping execution, problems encountered and the stand of syariah crime sections in Bireuen. The qualitative analysis was applied as method of this study which used data from primary and secondary sources. The primary data obtained from case studies and interview while secondary data collected from printed materials such as books, scientific papers, scientific articles, newspapers and journals. The finding of this study reveals the whipping punishment execution in Bireuen based on Islamic Law. Yet, there are problems and challenges in the field of the implementation of execution namely: limits of fund, imperfect regulation and discrimination. Beside that are the lack of society's misunderstanding to criminal rules (*Kanun Jenayah*) and some organization's refusal of its implementation in Bireuen. However, the stakeholders strongly supports supremacy of *Kanun Jinayah* and its implementation in Bireuen.